



---

**PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2020**

---

**PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS YANG LAYAK BAGI ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan, yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

**TAFSIRAN**

2. Bagi tujuan Pekeliling Perkhidmatan UMT ini:  
**"anggota"** bermaksud pegawai berstatus tetap atau sementara;  
**"waris"** bermaksud  
  - (a) balu atau duda iaitu suami atau isteri yang masih hidup kepada seseorang anggota yang meninggal dunia yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman;  
dan/atau

## **TERHAD**

- (b) anak bermaksud anak kepada anggota yang meninggal dunia sepertimana ditafsirkan mengikut undang-undang pencen, sama ada anak kandung, anak angkat, anak tiri atau anak tak sah taraf;  
dan/atau
- (c) ibu bapa bermaksud ibu kandung kepada anggota yang meninggal dunia atau, jika ibunya telah meninggal dunia, bapa kandungnya.

## **LATAR BELAKANG**

- 3. Dalam keadaan di mana seseorang anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan, faedah yang diberikan kepada tanggungan adalah turut tertakluk kepada opsyen yang dipilih. Bagi anggota berpencen, faedah-faedah terbitan akan diberikan kepada pihak-pihak yang layak tertakluk kepada peruntukan akta pencen dan pekeliling yang berkuat kuasa. Bagi anggota yang memilih opsyen KWSP, faedah yang akan diterima oleh tanggungan adalah pengeluaran jumlah caruman yang telah dicarum sepanjang perkhidmatan anggota dan majikannya serta beberapa faedah-faedah kewangan lain yang berkelayakan.
- 4. Berasaskan kepada senario semasa, terdapat waris kepada anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan menerima faedah yang rendah bergantung kepada skim persaraan yang dipilih oleh anggota tersebut.
- 5. Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada.

## **PELAKSANAAN**

- 6. Syarat-syarat kelayakan:
  - 6.1 Anggota lantikan tetap atau sementara yang meninggal dunia dalam perkhidmatan; dan
  - 6.2 tarikh kematian anggota pada atau selepas 1 Januari 2020.

## TERHAD

7. Jumlah pemberian *ex-gratia* kematian kepada waris yang layak adalah berdasarkan julat tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira seperti di Jadual 1.

**Jadual 1 : Jumlah Pemberian Ex-Gratia Kematian Kepada Waris Yang Layak**

<b>Tempoh Perkhidmatan (Bulan)</b>	<b>Pembayaran Ex-Gratia Kematian (RM)</b>
≤60	150,000
61-120	100,000
121-180	75,000
181-240	50,000
≥241	Tiada

8. Pemberian ini tertakluk kepada apa-apa potongan ke atas hutang anggota kepada Universiti/Kerajaan yang meninggal dunia tersebut. Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab meluluskan dan membayar *ex-gratia* kematian ini. Bagi anggota yang berpencen, pemberian *ex-gratia* kematian ini akan diuruskan bersekali dengan permohonan Faedah Terbitan yang dikemukakan oleh universiti akhir anggota.
9. Bagi kes kematian dalam perkhidmatan anggota yang memilih Skim KWSP atau anggota yang masih belum disahkan jawatan, universiti perlu menguruskan permohonan *ex-gratia* kematian tersebut dengan mengemukakan borang Permohonan *Ex-Gratia* Kematian Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan (Borang JPA.BP.SPT.B01f) dan Sijil Akuan Berhutang (Borang JPA.BP.2) setelah diisi dengan lengkap oleh waris yang memohon. Penghantaran permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan salinan dokumen sokongan yang disenaraikan pada borang yang sama ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
10. Pemberian *ex-gratia* kematian kepada waris-waris yang layak adalah berasaskan kepada prinsip bayaran berikut:
- 10.1 1/10 kepada ibu/bapa dengan mendahulukan ibu; dan
  - 10.2 9/10 mengikut pembahagian syer seperti berikut:
    - (a) duda/setiap balu: 2 bahagian
    - (b) setiap anak : 1 bahagian

## **TERHAD**

Bilamana keadaan tiada waris yang layak di Perenggan 10.1, keseluruhan pemberian *ex-gratia* kematian akan diberikan kepada waris-waris di Perenggan 10.2, dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya tiada waris-waris yang layak di Perenggan 10, tiada pemberian *ex-gratia* kematian akan dibayar.

11. Jika *ex-gratia* kematian diberikan kepada mana-mana waris yang layak mengikut prinsip bayaran yang ditetapkan, dan kemudiannya seorang atau lebih orang-orang yang layak membuat tuntutan untuk pemberian *ex-gratia* kematian tersebut, pemberian *ex-gratia* kematian yang telah dibuat sebelum tarikh tuntutan waris yang baru hendaklah disifatkan menjadi sah dan dibuat oleh Kerajaan dengan sempurna.
12. Dalam hal berlakunya pertikaian (*dispute*) terhadap pemberian *ex-gratia* kematian, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berhak untuk menentukan pihak yang sepatutnya diberi *ex-gratia* kematian dan kadarnya. Penentuan ini adalah muktamad.

## **KEKECUALIAN**

13. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020